

21 MAY 2001

DPMM-Konvensyen

400 USAHAWAN DALAM DAN LUAR NEGARA SERTAI KONVENSYEN IKS

KOTA BAHARU, 21 Mei (Bernama) -- Kira-kira 400 peserta dalam dan luar negara dijangka menyertai Konvensyen Industri Kecil dan Sederhana (IKS) selama empat hari di sini bermula Jumaat ini.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Cawangan Kelantan, Nik Abdul Rahman Nik Taib berkata konvensyen anjuran dewan itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat ini sempena lawatan Perdana Menteri itu ke Kelantan selama dua hari sehingga Sabtu.

Konvensyen itu akan bertemakan "Persediaan Ke Arah Perdagangan Global Menjelang AFTA 2003" yang bertempat di Hotel Diamond Puteri di sini, katanya dalam satu kenyataan.

Nik Abdul Rahman berkata pada hari konvensyen itu juga akan turut diadakan ekspso dan lawatan ke beberapa tempat milik pengusaha IKS di Kelantan oleh para peserta.

Katanya tujuan diadakan konvensyen yang julung-julung kali diadakan itu adalah bagi memastikan para pengusaha IKS akan dapat mengetahui dengan sejelas-jelasnya apakah yang dimaksudkan dengan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang akan bermula pada 2003.

"Para usahawan itu perlu memahami dengan sejelas-jelasnya apakah AFTA dan apa yang sebenarnya perlu dilakukan oleh mereka pada ketika itu," katanya.

Beliau berkata apatah lagi para usahawan IKS kini semakin merasa tertekan dengan perkembangan ekonomi terkini yang disebabkan kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat.

Menurutnya melalui konvensyen itu diharapkan akan dapat melahirkan satu masyarakat IKS bumiputera yang memahami kepentingan pasaran global yang berorientasikan eksport serta mendedahkan mereka kepada pasaran industri yang berkeupayaan teknologi maklumat.

"Ia juga akan dapat menjalinkan kerjasama daripada segi pertukaran strategi dan pengalaman dalam pengendalian perniagaan dan juga memperkenalkan kepada umum produk-produk syarikat IKS yang berdaya maju di pasaran," katanya.

Nik Abdul Rahman juga berkata beberapa konglomerat berjaya dan berasal dari Kelantan akan membentangkan beberapa kertas kerja bagi berkongsi kejayaan mereka di bidang ekonomi. -- BERNAMA

ZI OS